



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38(a)

Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam sahaja.

**PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS KANAN
(SUPERSCALE C / KUMPULAN 2)
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kersmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.



**PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS KANAN
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI
SUPERSCALE C (\$6,800 EB KHAS \$7,010 SEBULAN) /
KUMPULAN 2 (\$5,400 EB KHAS \$5,610 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Dasar Awam / *Information and Communication Systems* / Pengangkutan / Pengurusan dan Pentadbiran atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

2. a) **BAGI TANGGA GAJI SUPERSCALE C**

- i) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan sebagai Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan atau dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji Kumpulan I atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 2 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 3 atau sebanding tidak kurang dari 9 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
- ii) Lulus / dipersyaratkan untuk lulus dalam kursus **Program Perkembangan Eksekutif** di Institut-Institut tempatan ataupun luar negara atau kursus yang sebanding.

- b) **BAGI TANGGA GAJI KUMPULAN 2**

- i) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan sebagai Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan atau dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji Kumpulan 3 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tangga gaji B.3 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
3. Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

A) PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS KANAN (SUPERSCALE C)

1. Bertugas sebagai Ketua Bahagian Keselamatan Pengangkutan dan melapor kepada Menteri dan pegawai kanan yang bertanggungjawab;
2. Memantau, menyelaraskan dan melaksanakan plan strategik Bahagian Keselamatan;
3. Bertanggungjawab dalam memimpin penambahbaikan berterusan keselamatan sektor pengangkutan;
4. Menyediakan, merancang, melaksanakan dan menyelia tugas-tugas dan aktiviti-aktiviti berkaitan dengan penambahbaikan, penyiasatan dan kakitangan Bahagian Keselamatan Pengangkutan;
5. Bertanggungjawab dalam memastikan kualiti kerja penyiasatan melalui penyediaan latihan, bimbingan dan taklimat, mengikut keperluan;
6. Bertanggungjawab untuk menubuhkan pasukan penyiasatan bebas untuk menjalankan siasatan ke atas kemalangan atau kejadian serius yang melibatkan pengangkutan awam;
7. Bertanggungjawab untuk mengkoordinasi siasatan dengan Jabatan-Jabatan dan Agensi termasuk Jabatan Penerbangan Awam, Jabatan Pengangkutan Darat dan Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (*MPABD*);
8. Bertanggungjawab dalam menyiasat siasatan yang melibatkan kematian atau kecederaan yang serius ke atas pengangkutan awam termasuk Udara, Laut dan Bas Komersil yang merentas sempadan. Siasatan yang dijalankan adalah untuk mengenalpasti punca (*root cause*) kemalangan bagi langkah-langkah pembaikan;
9. Bertanggungjawab untuk membuat penyelarasan dengan Jabatan dan Agensi berkenaan dalam memastikan *Standard Operating Procedure (SOP)* adalah teratur, terkini dan selaras dengan kehendak piawaian antarabangsa;
10. Bertanggungjawab untuk membuat perancangan dengan Jabatan dan Agensi berkenaan dalam memastikan latihan-latihan dijalankan mengikut garis pandu yang telah ditetapkan;



11. Bertanggungjawab dalam menyelia dan memantau laporan penyiasat seperti perkembangan penyiasatan, memaklumkan berkaitan penyiasatan kemalangan yang akan dibuat kepada keluarga mangsa dan mangsa yang terselamat;
12. Bertanggungjawab untuk memberi sokongan dan nasihat kepada pihak berkuasa penyiasatan kemalangan luar negara apabila diperlukan (terutama apabila pesawat atau kapal yang didaftarkan di Negara Brunei Darussalam terlibat dalam kemalangan atau kejadian serius berlaku di luar negara);
13. Bertanggungjawab dalam memantau pelaksanaan cadangan keselamatan dan penambahbaikan yang dikemukakan kepada pihak berkuasa yang berkenaan;
14. Bertanggungjawab untuk menyediakan dan mengemukakan kenyataan dan bukti secara saksama jika diperlukan;
15. Bertanggungjawab untuk menghadiri mesyuarat atau aktiviti antarabangsa berhubung dengan penyiasatan kemalangan dan mengekalkan hubungan rapat dengan *International Civil Aviation Organization (ICAO)* dan *International Maritime Organization (IMO)* mengenai isu yang berkaitan;
16. Sentiasa mengikuti perkembangan dan trend yang berkaitan dengan keselamatan penerbangan dan maritim secara umum, terutama penyiasatan kemalangan dan insiden dengan mengkaji terbitan berkala, laporan-laporan serta manual yang berkaitan; dan
17. Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh pengurusan atasan.

B) PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS KANAN (KUMPULAN 2)

Menjalankan tugas-tugas jawatan Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan selaku Ketua Bahagian Keselamatan Pengangkutan dan melapor kepada Menteri dan pegawai kanan yang bertanggungjawab dalam:

1. Membantu dalam penambahbaikan berterusan keselamatan sektor pengangkutan;
2. Membantu memantau, menyelaras dan melaksanakan plan strategik Bahagian Keselamatan;



3. Membantu menyediakan, merancang, melaksanakan dan menyelia tugas-tugas dan aktiviti-aktiviti berkaitan dengan penambahbaikan, penyiasatan dan kakitangan Bahagian Keselamatan Pengangkutan;
4. Membantu memastikan kualiti kerja penyiasatan melalui penyediaan latihan, bimbingan dan taklimat, mengikut keperluan;
5. Membantu menubuhkan pasukan penyiasatan bebas untuk menjalankan siasatan ke atas kemalangan atau kejadian serius yang melibatkan pengangkutan awam;
6. Membantu mengkordinasi siasatan dengan Jabatan-Jabatan dan Agensi termasuk Jabatan Penerbangan Awam, Jabatan Pengangkutan Darat dan Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (*MPABD*);
7. Membantu siasatan yang melibatkan kematian atau kecederaan yang serius ke atas pengangkutan awam termasuk Udara, Laut dan Bas Komersil yang merentas sempadan. Siasatan yang dijalankan adalah untuk mengenalpasti punca (*root cause*) kemalangan bagi langkah-langkah pembaikan;
8. Membantu membuat penyelarasan dengan Jabatan dan Agensi berkenaan dalam memastikan *Standard Operating Procedure (SOP)* adalah teratur, terkini dan selaras dengan kehendak piawaian antarabangsa;
9. Membantu membuat perancangan dengan Jabatan dan Agensi berkenaan dalam memastikan latihan-latihan dijalankan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan;
10. Membantu menyelia dan memantau laporan penyiasat seperti perkembangan penyiasatan, memaklumkan berkaitan penyiasatan kemalangan yang akan dibuat kepada keluarga mangsa dan mangsa yang terselamat;
11. Membantu memberi sokongan dan nasihat kepada pihak berkuasa penyiasatan kemalangan luar negara apabila diperlukan (terutama apabila pesawat atau kapal yang didaftarkan di Negara Brunei Darussalam terlibat dalam kemalangan atau kejadian serius berlaku di luar negara);
12. Membantu memantau pelaksanaan cadangan keselamatan dan penambahbaikan yang dikemukakan kepada pihak berkuasa yang berkenaan;



13. Membantu menyediakan dan mengemukakan kenyataan dan bukti secara saksama jika diperlukan;
14. Menghadiri mesyuarat atau aktiviti antarabangsa berhubung dengan penyiasatan kemalangan dan mengekalkan hubungan rapat dengan *International Civil Aviation Organization (ICAO)* dan *International Maritime Organization (IMO)* mengenai isu yang berkaitan;
15. Sentiasa mengikuti perkembangan dan trend yang berkaitan dengan keselamatan penerbangan dan maritim secara umum, terutama penyiasatan kemalangan dan insiden dengan mengkaji terbitan berkala, laporan-laporan serta manual yang berkaitan; dan
16. Melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh pegawai-pegawai atasan dari semasa ke semasa.